



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**  
**NKRA - PENDIDIKAN**

**MANUAL AM**  
**PENTADBIRAN INSTRUMEN**  
**LITERASI**  
**2013**  
**(SARINGAN 1 TAHUN 1)**

Manual Am Pentadbiran Instrumen  
Saringan 1 Tahun 1 (2013)

© Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013

## **1.0 PENGENALAN**

Satu daripada *National Key Result Area* (NKRA) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ialah semua murid berkeupayaan untuk menguasai asas Literasi dan Numerasi kecuali murid berkeperluan khas selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah.

Pernyataan NKRA tersebut menuntut diadakan satu mekanisme untuk menentukan sama ada NKRA itu dapat dicapai atau tidak. Mekanisme ini juga dapat dijadikan asas untuk mengenal pasti murid yang tidak melepasi standard prestasi Literasi dan Numerasi, supaya diagnosis dapat dijalankan tentang konstruk yang tidak dikuasai, mengapa tidak dikuasai dan bagaimana pemulihan dapat dilaksanakan supaya pada akhirnya semua murid berupaya untuk menguasai asas Literasi dan Numerasi selepas tiga tahun mengikut pendidikan rendah.

Lembaga Peperiksaan (LP) telah dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan Instrumen Saringan. Tujuan penghasilan instrumen ini adalah untuk mengesan dan mengenal pasti murid yang tidak menguasai asas Literasi dan Numerasi sepanjang tiga tahun mengikut pendidikan rendah di Malaysia.

Instrumen Saringan Literasi dan Numerasi (*Literacy and Numeracy Screening* atau LINUS) direka bentuk berdasarkan 12 konstruk asas Literasi dan Numerasi sejajar dengan definisi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Semua instrumen saringan mengukur konstruk yang sama. Item bagi setiap instrumen dibina berdasarkan kedalaman kandungan.

## **2.0 DEFINISI LITERASI**

Keupayaan untuk membaca, menulis dan memahami perkataan dan ayat serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian.

### **2.1 12 KONSTRUK YANG DIUKUR DALAM SARINGAN LITERASI**

- |              |   |
|--------------|---|
| Konstruk 1 : | Keupayaan membaca dan menulis huruf vokal dan konsonan.                           |
| Konstruk 2 : | Keupayaan membaca dan menulis suku kata terbuka.                                  |
| Konstruk 3 : | Keupayaan membaca dan menulis perkataan suku kata terbuka.                        |
| Konstruk 4 : | Keupayaan membaca dan menulis suku kata tertutup.                                 |
| Konstruk 5 : | Keupayaan membaca dan menulis perkataan suku kata tertutup.                       |
| Konstruk 6 : | Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi suku kata tertutup 'ng'. |
| Konstruk 7 : | Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi diftong.                 |
| Konstruk 8 : | Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding.        |

- Konstruk 9 : Keupayaan menulis perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung.
- Konstruk 10 : Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang berimbuhan awalan dan akhiran.
- Konstruk 11 : Keupayaan membaca dan menulis ayat mudah.
- Konstruk 12 : Keupayaan membaca, memahami dan menulis ayat berdasarkan bahan rangsangan.

### **3.0 FASA PELAKSANAAN**

Dua saringan LINUS , iaitu Saringan 1 dan Saringan 2 akan dilaksanakan untuk murid-murid Tahun 1, tahun 2013.

#### **JADUAL PELAKSANAAN SARINGAN LITERASI DAN NUMERASI BAGI TAHUN 2013**

<b>AKTIVITI</b>	<b>SARINGAN 1 (TAHUN 1,2 DAN 3)</b>	<b>SARINGAN 2 (TAHUN 1,2 DAN 3)</b>
<b>Saringan Membaca</b>	10 Mac – 19 April 2013	01 - 27 September 2013
<b>Saringan Menulis</b>	21 April – 30 April 2013	29 September – 11 Oktober 2013
<b>Memasukkan Data Saringan</b>	06 Mei – 17 Mei 2013	16 – 25 Oktober 2013

### **4.0 PENTADBIRAN**

- 4.1 Instrumen Saringan Literasi mengandungi 12 konstruk.
- 4.2 Instrumen ini ditadbir oleh guru mengikut masa yang telah ditetapkan.
- 4.3 Instrumen Saringan Literasi Membaca ditadbir secara individu atau kumpulan kecil (tidak melebihi 3 orang murid).
- 4.4 Instrumen Saringan Literasi Menulis pula ditadbir secara kelas.
- 4.5 Instrumen ini ditadbir mengikut urutan konstruk.
- 4.6 Jika kesemua konstruk telah ditaksir, pentaksir boleh kembali mentaksir mana-mana konstruk yang belum dikuasai oleh murid dalam Saringan Literasi Membaca sahaja.
- 4.7 Dicadangkan guru duduk bersebelahan dengan murid ketika pentaksiran Saringan Literasi Membaca dilaksanakan.

### **5.0 KAEADAH PELAKSANAAN**

Kedua-dua Instrumen Saringan Literasi, iaitu Instrumen Saringan Literasi Membaca dan Instrumen Saringan Literasi Menulis dibina oleh Lembaga Peperiksaan. Instrumen saringan berserta manual pengendaliannya disalurkan melalui Pejabat Pelajaran Daerah dalam bentuk CD.

Proses saringan boleh dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung tetapi dalam masa yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **6.0 TINDAKAN HASIL PROSES SARINGAN 1**

Selepas Saringan 1, murid yang menguasai konstruk 1 hingga konstruk 12 dianggap telah Literat. Murid ini akan meneruskan pembelajaran di kelas biasa. Murid yang belum menguasai mana-mana konstruk 1 hingga konstruk 12 akan meneruskan pembelajaran dalam Program LINUS. Semua murid, sama ada menguasai atau tidak menguasai, perlu menduduki Saringan 2.

## **7.0 PROSES PEMANTAUAN**

Pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran Malaysia, yang diketuai oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK), akan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan pelaksanaan Program LINUS di sekolah dari semasa ke semasa.

## **8.0 ASAS-ASAS PERTIMBANGAN PEMBINAAN INSTRUMEN SARINGAN**

Antara aspek penting yang diberi penekanan dalam proses perekaan bentuk saringan ialah:-

### **8.1 Kesahan**

Kesahan skor ujian melibatkan dua perkara, iaitu relevan dan cakupan. Perekaan bentuk instrumen saringan ini telah memastikan semua konstruk (perkara yang ditaksir) dijelmakan sejajar dengan definisi yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Item-item yang dikemukakan adalah akur dengan kurikulum dan spesifikasi ujian serta mempunyai ujian serta mempunyai kesesuaian dari segi kumpulan sasaran, aras kesukaran, konteks dan situasi.

### **8.2 Kebolehpercayaan**

Kebolehpercayaan skor ujian melibatkan dua perkara iaitu ketekalan dan ketepatan. Satu spesifikasi ujian direka bentuk bagi setiap instrumen saringan untuk dijadikan piawaian yang diikuti dalam pembinaan instrumen. Hal ini untuk memastikan ketetapan instrumen saringan.

### **8.3 Kebolehlaksanaan**

Instrumen Saringan Literasi membaca dan menulis ini telah mengambil kira semua aspek bagi memastikan pentadbiran pentaksiran boleh dilaksanakan.

## 8.4 Penjaminan Kualiti

Instrumen saringan ini telah mengambil kira keperluan pentaksiran yang berperanan sebagai mekanisme bukan sahaja semua 12 konstruk dapat direalisasikan tetapi juga menepati kualiti yang dihasratkan.

## 9.0 BORANG PELAPORAN PENGUASAAN INDIVIDU

- 9.1 Pentaksir hendaklah melengkapi Borang Pelaporan Penguasaan Individu (BPPI) dengan nama murid, kelas dan tarikh taksiran dijalankan.
- 9.2 Borang pelaporan penguasaan individu mengandungi 12 konstruk.
- 9.3 Murid dikatakan menguasai sesuatu konstruk jika mereka dapat menjawab item dalam Saringan Literasi Membaca dan Saringan Literasi Menulis.
- 9.4 Pentaksiran perlu mencatat penguasaan setiap konstruk pada ruang yang disediakan mengikut respons murid. Tahap penguasaan minimum membaca dan menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah seperti yang berikut.

KONSTRUK	SARINGAN 1		PENGUASAAN SARINGAN 1	
	MEMBACA	MENULIS	KUASAI	TIDAK KUASAI
1	a)5 5 b)8 10	a)5 5 b)8 10	✓	
2	4 5	4 5	✓	
3	4 5	4 5	✓	
4	4 5	4 5	✓	
5	5 6	4 5	✓	
6	4 5	4 5	✓	
7	4 5	4 5	✓	
8	4 5	4 5	✓	
9	3 5	4 5	✓	
10	4 5	4 5	✓	
11	3 4	2 3	✓	
12	2 3	1 2	✓	